

Headline	MoF lulus penubuhan FRIM Inc		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	36	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	63 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,482
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,445



**Kepong**

## **MoF lulus penubuhan FRIM Inc**

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) tidak perlu lagi bergantung kepada sumber kewangan kerajaan selepas Kementerian Kewangan (MoF) meluluskan penubuhan syarikat FRIM Inc pada 4 Ogos lalu membolehkannya menjana pendapatan sendiri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, penubuhan itu membolehkan FRIM mengkomersialkan produk sendiri serta melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Menurut beliau, kelulusan diperoleh MoF pada 4 Ogos lalu mengurangkan kebergantungan FRIM kepada dana kerajaan untuk melakukan R&D.

“Dengan adanya FRIM Inc, kita ada platform dari segi perundangan yang membolehkan pengkomersialan sumber biologi,” katanya pada Majlis Korban Perdana 1NRE 1438H di Masjid Jamek FRIM, di sini, semalam.